

**PEJABAT BENDAHARI
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

UTHM/PB/100-6/4 JLD 4 (21)

17 November 2025

PEKELILING BENDAHARI BIL. 5/2025

Semua Pengurus Bahagian
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

YBhg. Prof./ Tuan / Puan,

**PELAKSANAAN BENGKEL / MESYUARAT DI HOTEL / RESORT ANJURAN
PUSAT TANGGUNGJAWAB / UNIVERSITI DI UNIVERSITI TUN HUSSEIN
ONN MALAYSIA**

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan berkenaan pelaksanaan bengkel / mesyuarat di hotel/resort anjuran Pusat Tanggungjawab / Universiti Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Pada masa ini, kelayakan bagi penganjuran bengkel / mesyuarat di hotel / resort anjuran Pusat Tanggungjawab / Universiti adalah merujuk kepada Pekeliling Bendahari Bil 4/2023 iaitu Pelaksanaan Bengkel / Mesyuarat di Hotel / Resort anjuran Pusat Tanggungjawab di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- 2.2 Selain itu, peraturan lain bagi penganjuran bengkel / mesyuarat di hotel / resort luar juga merujuk Pekeliling Bendahari Bil 2/2022 iaitu Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- 2.3 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil 4/2025 yang bersidang pada 11 September 2025 telah bersetuju meluluskan Penambahbaikan Pelaksanaan Bengkel / Mesyuarat di Hotel / Resort anjuran Pusat Tanggungjawab / Universiti di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

3.0 PELAKSANAAN PENGANJURAN BENGKEL / MESYUARAT DI HOTEL / RESORT ANJURAN PUSAT TANGGUNGJAWAB / UNIVERSITI

3.1 Kelayakan Penginapan Di Hotel

3.1.1 Penginapan di hotel bagi bengkel / mesyuarat anjuran PTj / Universiti adalah mengikut kelayakan berikut :-

3.1.1.1 Gred 9 dan ke atas - Penginapan secara bilik seorang (*single*).

3.1.1.2 Gred 8 dan kebawah - Penginapan secara bilik berdua (*twin sharing*).

3.1.2 Bagi program berbentuk seminar / kursus anjuran PTj / Universiti, semua penginapan adalah secara bilik berdua (*twin sharing*).

3.2 Penetapan Siling

3.2.1 Kadar pakej penginapan dan makan untuk penganjuran bengkel / mesyuarat di hotel adalah mengikut kelayakan elaun sewa hotel dan makan mengikut gred masing-masing sebagaimana dinyatakan dalam Pekeliling Bendahari Bil 1/2023, Arahan Perbendaharaan serta Pekeliling Perbendaharaan yang sedang berkuat kuasa.

3.2.2 Kadar pakej penginapan dan makan untuk penganjuran bengkel / mesyuarat di hotel ini adalah tidak termasuk sewaan ruang bengkel / mesyuarat dan keperluan lain seperti rangkaian tanpa wayar (WiFi) dan lain-lain.

3.3 Jenis Program

3.3.1 Hanya dibenarkan untuk aktiviti berbentuk bengkel / mesyuarat anjuran PTj / Universiti yang diadakan di hotel / resort sahaja.

3.3.2 Bagi program berbentuk kursus / team building anjuran PTj, semua penginapan adalah secara bilik berdua tanpa mengambilkira gred jawatan.

3.4 Program Yang Tidak Dibenarkan Diadakan Di Hotel / Resort

3.4.1 Kursus / latihan yang berjangka masa lama seperti Kursus Induksi perlu diadakan dalam Universiti atau Pusat Minda

Emas (PUMAS). Sekiranya ketiadaan tempat, perlu menggunakan premis atau pusat latihan kerajaan atau kemudahan di agensi kerajaan terdekat seperti INTAN Kluang dan Institut Pertanian Air Hitam.

3.4.2 Kursus / latihan / bengkel / mesyuarat yang diadakan secara harian iaitu dari 8.00 pagi hingga 5.00 petang perlu diadakan di Universiti dan tidak dibenarkan diadakan di hotel / resort.

3.4.3 Program pelajar seperti motivasi / latihan secara pakej perlu diadakan di Universiti atau kem latihan dan penginapan secara berasrama (*dormitory*).

3.5 Lokasi Dan Pengangkutan

3.5.1 Lokasi bengkel / mesyuarat dan program-program lain anjuran PTj / Universiti hendaklah tidak melebihi Kuala Lumpur di utara dan Rompin di pantai timur. Keperluan untuk ke lokasi luar dari kawasan yang dinyatakan adalah tertakluk kepada kelulusan Naib Canselor.

3.5.2 Penganjur atau Urusetia perlu membuat tempahan kenderaan dengan Unit Pengurusan Kenderaan Gunasama, Pejabat Pengurusan Fasilitas. Sekiranya kenderaan disediakan, tambang gantian tidak layak dituntut walaupun staf membawa kenderaan sendiri. Sekiranya kenderaan Universiti tidak disediakan dan staf membawa kenderaan sendiri, staf layak menuntut tambang gantian mengikut kadar yang sedang berkuat kuasa.

3.5.3 Semua tuntutan perjalanan yang berkaitan dengan aktiviti seperti bengkel / mesyuarat dan program pelajar anjuran Universiti, tuntutan tambang gantian untuk staf yang terlibat dikekalkan dengan merujuk kepada Pekeliling Bendahari Bil. 1/2023.

3.6 Penganjuran aktiviti seperti bengkel / mesyuarat anjuran PTj yang tidak melibatkan Lembaga Pengarah Universiti kosnya adalah ditampung daripada peruntukan tabung PTj.

3.7 Penambahbaikan pelaksanaan bengkel / mesyuarat di hotel / resort anjuran Pusat Tanggungjawab / Universiti di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia kepada staf semasa menghadiri bengkel atau mesyuarat anjuran Universiti / PTj secara rasmi seharusnya tidak menyebabkan penambahan sumber peruntukan atau peningkatan penggunaan tabung PTj yang tidak terkawal. Pihak PTj perlu

merancang dan mengawal perbelanjaan dengan pertimbangan yang sewajarnya bersesuaian dengan baki peruntukan yang sedia ada.

- 3.8 Sebarang tuntutan-tuntutan lain adalah tertakluk kepada pekeling semasa yang sedang berkuat kuasa.

4.0 PEMBATALAN

Dengan berkuat kuasanya pekeling ini, Pekeling Bendahari Bil. 4/2023 adalah dibatalkan.

5.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeling ini berkuat kuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih

“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”
“MALAYSIA MADANI”

Yang benar,



ISMAIL BIN HARON C.A. (M)
Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan
Tel: 7050

- s.k. : YBhg. Naib Canselor
: YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
: YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
: YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
: Provost UTHM Kampus Cawangan Pagoh
: Ketua Unit Audit Dalam